

(16)dlm.PPS.
10/4/2CUB-SEM

4 Mac 1993

Semua Pengarah Pengairan dan
Saliran Negeri,

Semua Jurutera Projek,

Semua Ketua Bahagian/Cawangan
JPS Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

**PINDAAN PERTAMA KEPADA SURAT PFKELILING JPT. CUB. BIL. 2/1988
PERATURAN DAN PIHAK-PIHAK BERKUASA MELULUSKAN
ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI KONTRAK KERJA**

1. **PENDAHULUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling JPT. CUB. Bil. 2/1988 bertarikh 28 Oktober 1988 telah menggariskan peraturan-peraturan mengenai Arahan Perubahan Kerja serta menetapkan keahlian Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja yang ditubuhkan di peringkat Negeri, Projek dan Ibu Pejabat.
- 1.2 Berikutan penyusunan semula struktur organisasi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Pengarah-Pengarah Bahagian JPS Malaysia adalah juga dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa di peringkat Bahagian untuk meluluskan Arahan Perubahan Kerja selaras dengan Arahan Perbendaharaan 202(e)(iii).
- 1.3 Oleh itu, untuk memperkemaskan peraturan-peraturan yang sediaada serta mengemaskinikan pihak-pihak yang berkuasa meluluskan Arahan Perubahan Kerja, pindaan-pindaan berikut perlu dibuat kepada Surat Pekeliling JPT. CUB. Bil. 2/1988.

2. **KEAHLIAN DAN HAD KUASA JAWATANKUASA ARAHAN PERUBAHAN KERJA**

2.1 Berikut adalah Keahlian Jawatankuasa Arahkan Perubahan Kerja mengikut peringkat-peringkat berkenaan:-

- (a) **Di peringkat Negeri atau Projek**
Had kuasa tidak melebihi 20% nilai kontrak atau RM 1.0 juta mengikut mana yang lebih rendah.
- (i) Pengarah Negeri Jurutera Projek (Pengerusi).
 - (ii) Jurutera terkanan Unit Portfolio berkenaan di Pejabat Negeri atau Pejabat Projek. (Ahli).
 - (iii) Juruukur Bahan (Ahli).
- (b) **Di peringkat Bahagian, Ibu Pejabat JPS**
Had kuasa tidak melebihi 20% nilai kontrak atau RM 1.5 juta mengikut mana yang lebih rendah.
- (i) Pengarah Bahagian (Pengerusi).
 - (ii) Ketua Jurutera Unit Portfolio di Bahagian berkenaan. (Ahli).
 - (iii) Timbalan Pengarah Ukur Bahan atau wakilnya. (Ahli).
- (c) **Di peringkat Timbalan Ketua Pengarah**
Had kuasa tidak melebihi 30% nilai kontra atau RM 3.0 juta mengikut mana yang lebih rendah.
- (i) Timbalan Ketua Pengarah (Pengerusi).
 - (ii) Pengarah Bahagian yang berkenaan (Ahli).
 - (iii) Pengarah Ukur Bahan (Ahli).

(d) **Di peringkat Ketua Pengarah**
Had kuasa tidak melebihi 30% nilai kontrak atau
RM 6.0 juta mengikut mana yang lebih rendah.

- (i) Ketua Pengarah (Pengerusi).
- (ii) Pengarah Bahagian yang berkenaan. (Ahli).
- (iii) Pengarah Ukur Bahan (Ahli).

3. **PERATURAN UNTUK MENGEMUKAKAN**
PERMOHONAN PERUBAHAN KERJA

- 3.1 Semua permohonan untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja hendaklah menggunakan **Borang A, Lampiran A1 dan Lampiran A2** (jika perlu).
- 3.2 Sekiranya nilai perubahan kerja telah melebihi nilai yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja, permohonan menaikkan nilai perubahan kerja hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **Borang B dan Lampiran B1**.
- 3.3 Sekiranya perubahan kerja melibatkan kadar harga baru yang dipersetujui, permohonan meluluskan kadar harga baru hendaklah dikemukakan, samada bersama Borang A atau berasingan, dengan menggunakan **Borang C dan Lampiran C1**.
- 3.4 (i) Bagi Arahan Perubahan Kerja di peringkat Negeri/Projek, semua permohonan hendaklah dikendalikan oleh Urusetia di Negeri/Projek masing-masing. Butir-butir permohonan hendaklah dimajukan kepada ahli-ahli Jawatankuasa untuk diteliti sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh mesyuarat diadakan.
- (ii) Urusetia di peringkat Negeri/Projek hendaklah mengumpul semua permohonan perubahan kerja di Negeri/Projek masing-masing sebelum menetapkan tarikh mesyuarat Jawatankuasa. Mesyuarat Meluluskan Arahan Perubahan Kerja di peringkat Negeri/Projek hendaklah dijadualkan pada satu hari setiap bulan. Ini adalah untuk membolehkan Juruukur Bahan menghadziri bersama untuk membincangkan Arahan Perubahan Kerja yang hendak diluluskan.

- 3.5 Semua permohonan perubahan kerja di peringkat Bahagian/Timbangan Ketua Pengarah/Ketua Pengarah hendaklah disediakan dalam empat (4) salinan dan dimajukan kepada Bahagian Ukur Bahan selaku Urusetia.
- 3.6 Adalah diingatkan bahawa semua Arahan Perubahan Kerja yang melibatkan kos tambahan hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa yang berkenaan. Sekiranya kerja berkenaan perlu dilaksanakan dengan segera, kelulusan secara lisan hendaklah diperolehi daripada Pengerusi Jawatankuasa berkenaan dan hendaklah direkodkan untuk makluman ahli-ahli Jawatankuasa yang lain.
- 3.7 Semua minit mesyuarat dan keputusan Jawatankuasa hendaklah disediakan oleh pihak Urusetia dan diedarkan kepada semua ahli Jawatankuasa yang terlibat.

4. **PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING JPT. CUB. BIL. 2/1988**

- 4.1 Dengan terkeluarnya surat pekeliling ini, perenggan-perenggan berikut dalam Surat Pekeliling JPT. CUB. Bil. 2/1988 adalah dibatalkan:-
- (i) Perenggan 3.1
 - (ii) Perenggan 4.1 dan 4.2
 - (iii) Perenggan 5.1
- 4.2 Surat bil. (9) dlm. PPT. 302/4/2 bertarikh 11 November 1988 adalah juga dibatalkan.

5. PENGUATKUASAAN

- 5.1 Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(IR. JOSEPH YEO HOH HOH)
b.p.: Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

s.k. - Ketua Pengarah,
JPS. Malaysia.

FAS/rs/190293/surat/disWP

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PERMOHONAN PERUBAHAN KERJA NO:

1. BUTIR-BUTIR KONTRAK

1.1 Tajuk Kontrak :
.....
.....

1.2 Nombor Kontrak : 1.3 Harga Kontrak:

1.4 Tarikh Milik Tapak : 1.5 Tarikh Siap Asal:

1.6 Tarikh Siap Dilanjutkan: 1.7 Kemajuan Kerja
Sebenar/Jadual :

2. MAKLUMAT MENGENAI PERUBAHAN KERJA

2.1 Jumlah Nilai Yang Telah Diluluskan:Peratus:

2.2 Jumlah Nilai Yang Dipohon:Peratus:

2.3 Jumlah Nilai Terhimpun:Peratus:

2.4 Butir-butir Perubahan Yang Dipohon: Rujuk Lampiran A1

3. PERAKUAN PEGAWAI

Permohonan Perubahan Kerja dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Perubahan Kerja. Adalah disahkan bahawa peruntukan mencukupi.

.....

Tandatangan

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA

Permohonan di atas adalah diluluskan/tidak diluluskan dengan nilai tidak melebihi RM.....

.....

(Pengerusi)

.....

(Ahli)

.....

(Ahli)

Nama :

.....

.....

Jawatan :

.....

.....

Tarikh :

*Sila sertakan asas perkiraan

LAMPIRAN A

BUTIR-BUTIR PERUBAHAN KERJA YANG DIPOHON

Bil.	Huraian Perubahan Kerja	Sebab Perubahan Diperlukan	Kerja Telah/ Belum Di laksanakan	Ada/Tiada Kadar Harga Baru	Nilai/ Anggaran RM	%
				JUMLAH		

RINGKASAN PERUBAHAN-PERUBAHAN KERJA YANG TELAH DILULUSKAN

Permohonan No.	Perubahan Kerja	Nilai RM	%
JUMLAH			

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PERMOHONAN MENAIKKAN NILAI PERUBAHAN KERJA

1. BUTIR-BUTIR KONTRAK

1.1 Tajuk Kontrak :
.....
.....

1.2 Nombor Kontrak : 1.3 Harga Kontrak:

2. MAKLUMAT MENGENAI PERUBAHAN KERJA

2.1 Bil. Permohonan Asal :

2.2 Tarikh Kelulusan :

2.3 Nilai Yang Telah Diluluskan : Peratus :

2.4 Butir-butir Kenaikan Nilai Yang Dipohon: Rujuk Lampiran B1

3. PERAKUAN PEGAWAI

Permohonan Menaikkan Nilai Perubahan Kerja dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Perubahan Kerja.
Adalah disahkan bahawa peruntukan mencukupi.

.....
Tandatangan

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA

Permohonan di atas adalah diluluskan/tidak diluluskan dengan nilai tambahan tidak melebihi RM.....

..... (Pengerusi) (Ahli) (Ahli)

Nama :
.....

Jawatan :
.....

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PERMOHONAN MELULUSKAN KADAR HARGA DIPERSETUJUI

1. BUTIR-BUTIR KONTRAK

1.1 Tajuk Kontrak :
.....
.....

1.2 Nombor Kontrak : 1.3 Harga Kontrak:

2. MAKLUMAT MENGENAI PERUBAHAN KERJA

2.1 Rujukan Permohonan Perubahan Kerja No.:

2.2 Tajuk Perubahan :
.....

2.4 Butir-butir Kenaikan Nilai Yang Dipohon: Rujuk Lampiran B1

3. PERAKUAN PEGAWAI

Permohonan Meluluskan Kadar Harga Dipersetujui dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Perubahan Kerja.

.....
Tandatangan

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA

Permohonan di atas adalah diluluskan dengan kadar-kadar harga seperti di Lampiran C1.

.....
(Pengerusi) (Ahli) (Ahli)

Nama :
.....

Jawatan :
.....

Tarikh :

LAMPIRAN C1

BUTIR-BUTIR KADAR HARGA DIPERSETUJUI

Bil.	Tajuk Perubahan Kerja	Huraian Kerja Yang Melibatkan Kadar Harga Baru	Unit	Kuantiti	Kadar Harga Yang Dicalangkan* RM	Telah/Belum Dipersetujui Dengan Kontraktor	Kadar Harga Yang Diluluskan RM

*Sila sertakan asas perkiraan